



31 OCT, 2022

## TRM TNB diperluas babit sektor ekonomi gig



Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

# TRM TNB diperluas babit sektor ekonomi gig

**Kuala Lumpur:** Skop Program TNB Reskilling Malaysia (TRM) oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) kini diperluas dengan merangkumi sektor ekonomi gig, sekali gus membantu pekerja bebas atau *freelancer*.

Ia dalam meningkatkan keupayaan supaya mereka boleh meneroka peluang ekonomi gig yang baharu dan lebih meluas dalam usaha menambah pendapatan.

Ketua Pegawai Insan TNB Wahizan Abdul Rahman berkata, trend (ekonomi gig) yang meningkat ini memberi peluang kepada golongan muda, suri rumah, pesara, golongan kurang upaya dan mereka bekerja sendiri untuk turut

sama menjalankan ekonomi gig bagi menambah pendapatan isi rumah.

Katanya, perubahan lanskap dalam ekonomi dunia turut mempengaruhi penyusunan semula kegiatan ekonomi dan pekerjaan di banyak negara.

"Dalam era endemik, individu kini boleh menjana pendapatan secara produktif, fleksibel dan mampam kerana ekonomi gig menawarkan pelbagai khidmat untuk disertai seperti pengangkutan, penghantaran makan dan barang serta sebahagiannya membabitkan produk kewangan.

"Pelbagai peringkat masyarakat boleh turut serta dalam bidang ekonomi ini, misalnya golongan belia,

ibu dan bapa tunggal, orang kurang upaya (OKU) atau pesara," katanya kepada Bisnes Metro.

Beliau berkata, TNB Integrated Learning Solutions (TNB IL-SAS) bertanggungjawab untuk menjalankan program TRM ini dan mereka bentuk modul jangka pendek khusus untuk mempersiap pekerja gig sejakar dengan kemajuan pasaran.

"Latihan ini ditaja sepenuhnya oleh TNB dan syarat kemasukan ke Program TNB Reskilling Malaysia ialah mempunyai perjanji-

an perkhidmatan atau pen- daftaran perniagaan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau mempunyai transaksi bisnes di platform e-dagang seperti Lazada, Shoppe dan sebagainya," katanya.

Menurutnya, pemilihan pekerja gig ini akan dilaksanakan melalui dua sesi pada setiap bulan.

Selepas dipilih, mereka akan mengikuti latihan di Ilsas dalam salah satu yang ditawarkan iaitu modul kemahiran digital, modul penyelenggaraan penyaman udara, modul au-

tomasi dron untuk Industri 4.0 dan modul pembentukan minda perniagaan.

Beliau berkata, modul ini memenuhi permintaan para-saran ekonomi gig pada ketika ini, dan Ilsas akan sentiasa menambah modul yang memberikan impak.

Program TRM dilaksanakan oleh TNB Ilsas, di Bangi, sejak 2020 apabila TNB diamanahkan oleh kerajaan untuk membantu rakyat yang terjejas susulan pandemik Covid-19.

Ia bagi mendapatkan padanan pekerjaan kemudian menjalani program pemahiran atau latihan semula.

Setakat ini, TRM dilaporkan sudah melakukan padanan pekerjaan membabitkan lebih 5,000 peserta.

**“Pelbagai peringkat masyarakat boleh turut serta dalam bidang ekonomi ini**  
**Wahizan**



31 OCT, 2022

## TRM TNB diperluas babit sektor ekonomi gig

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Kuala Lumpur: Skop Program TNB Reskilling Malaysia (TRM) oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) kini diperluas dengan merangkumi sektor ekonomi gig, sekali gus membantu pekerja bebas atau freelancer. Ia dalam meningkatkan keupayaan supaya mereka boleh meneroka peluang ekonomi gig yang baharu dan lebih meluas dalam usaha menambah pendapatan.